

29 AUG 1998

#### JAMBATAN PULAU PINANG DITUTUP DUA JAM ESOK

PULAU PINANG, 29 Ogos (Bernama) -- Jambatan Pulau Pinang akan ditutup selama dua jam mulai 4 petang esok kepada kenderaan dari tanah besar semasa perarakan kereta Proton sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41.

Dalam satu kenyataan di sini, Pengarah Urusan EON Berhad, Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata Jalan Perusahaan Prai juga akan ditutup mulai 2 petang bagi membolehkan urusan pendaftaran dan perhimpunan peserta berjalan lancar.

Katanya, sepuluh kaunter pendaftaran akan diadakan bagi kemudahan 1,998 peserta terdiri daripada pemilik kereta Proton mendaftar diri dan lebih 100 krew dan petugas EON akan ditugaskan untuk membantu melicinkan pergerakan lalulintas ke jambatan itu.

"Para pemilik kereta Proton yang secara kebetulan hendak ke pulau boleh ikut serta dengan memasuki lorong khas yang disediakan di mana peserta tidak perlu membayar tol kerana ia telah ditaja oleh EON," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata jumlah yang boleh memasuki lorong khas itu terhad dan bergantung kepada keadaan lalulintas.

Acara itu, yang pertama seumpamanya diadakan di Jambatan Pulau Pinang, akan didahului oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada kira-kira 5.15 petang.

Penyertaan masih lagi diterima hari ini dan mereka yang lewat menyerahkan borang penyertaan boleh berbuat demikian di kaunter-kaunter pendaftaran di Jalan Perusahaan yang akan dibuka mulai pukul 10 pagi esok.

-- BERNAMA

SA oba